

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN UNTUK KAJIAN LANJUTAN

5. 0 Pengenalan

Dalam Bab 5, akan dibincangkan kesimpulan hasil dari dapatan analisa data. Di samping itu beberapa cadangan atau syor-syor akan diketengahkan untuk meningkatkan penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah Tingkatan Satu.

5. 1 Kesimpulan

5. 1. 1 Adakah pelajar Tingkatan Satu meminati mata pelajaran Sejarah ?

Dapatan kajian menunjukkan 80 % sampel pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda, 95 % sampel dari Sekolah Menengah Kebangsaan San Peng dan 85 % dari Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria meminati mata pelajaran Sejarah.

Guru Sejarah perlu menjadikan proses pembelajaran Sejarah sesuatu yang menarik supaya pelajar lebih berminat mempelajari mata pelajaran Sejarah. Guru juga hendaklah mempelbagaikan kaedah pengajaran mengikut arus perkembangan semasa. Misalannya, komputer boleh digunakan sebagai media dalam proses pengajaran.

5. 1. 2 Adakah pelajar menggunakan komputer dalam proses pembelajaran Sejarah Tingkatan Satu ?

Dapatan kajian menunjukkan 15 % sampel dari Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda, 10 % sampel Sekolah Menengah Kebangsaan San Peng dan 45 % sampel Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria selalu menggunakan komputer dalam proses pembelajaran Sejarah.

Walaupun pelajar sedar keberkesanan penggunaan komputer dalam proses pembelajaran, namun disebabkan mungkin tiada kemudahan komputer samada di rumah atau sekolah, mereka tidak dapat menggunakan komputer sepenuhnya.

5. 1. 3 Adakah pelajar Tingkatan Satu meminati proses pembelajaran menggunakan komputer dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan Satu ?

Kajian ini menunjukkan 75 % sampel Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda, 60 % sampel Sekolah Menengah Kebangsaan San Peng dan 65 % sampel Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria meminati proses pembelajaran Sejarah menggunakan komputer.

Dapatan kajian menunjukkan peratusan pelajar yang meminati pembelajaran Sejarah dengan menggunakan komputer adalah tinggi. Pihak sekolah boleh memainkan peranan misalnya, menyediakan kemudahan komputer samada di bilik darjah, pusat sumber atau makmal komputer untuk menggalakkan guru dan pelajar menggunakanannya.

5. 1. 4 Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian pelajar dengan penggunaan komputer dalam proses pembelajaran Sejarah Tingkatan Satu ?

Dapatkan kajian menunjukkan 50 % sampel yang selalu menggunakan komputer dalam pembelajaran Sejarah mendapat pencapaian diantara 65-74, manakala 44 % yang tidak pernah menggunakan komputer mendapat pencapaian diantara 75-100. Analisa data menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara penggunaan komputer dalam proses pembelajaran Sejarah Tingkatan Satu dengan pencapaian pelajar.

Ini mungkin kerana sampel kajian adalah dalam jumlah yang kecil dan juga sampel terdiri daripada pelajar kelas terbaik setiap sekolah. Oleh itu penggunaan komputer tidak memberi kesan kepada pencapaian mereka. Seandainya, pelajar yang lemah mungkin ada perubahan dalam pencapaian sekiranya menggunakan komputer dalam proses pembelajaran Sejarah. Pencapaian mungkin lebih baik daripada sebelumnya.

5. 1. 5 Adakah guru Sejarah Tingkatan Satu mempunyai pengetahuan dalam penggunaan komputer?

Hasil kajian menunjukkan 3 orang guru Sejarah dari Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda, 4 dari Sekolah Menengah Kebangsaan San Peng dan 4 orang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria tahu menggunakan komputer.

Guru Sejarah perlu didekah dengan penggunaan komputer melalui kursus-kursus komputer supaya dapat memberi bimbingan kepada pelajar. Tahap pengetahuan yang rendah di kalangan guru rendah mungkin kerana kurang pendedahan atau guru itu sendiri tidak berminat menggunakan komputer.

5. 1. 6 Adakah guru Sejarah menggunakan komputer dalam proses pengajaran Sejarah Tingkatan Satu ?

Hasil kajian menunjukkan 5 orang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda, 4 orang dari Sekolah Menengah San Peng dan 5 dari Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda tidak pernah menggunakan komputer dalam proses pengajaran Sejarah. Hanya seorang guru dari Sekolah Menengah San Peng kadang-kala menggunakan komputer dalam proses pengajaran Sejarah.

5. 1. 7 Minat menggunakan komputer dalam proses pengajaran Sejarah Tingkatan Satu

Kajian mendapati kesemua guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda, 4 orang masing-masing dari Sekolah Menengah Kebangsaan San Peng dan Sekolah Kebangsaan Victoria berminat menggunakan komputer dalam proses pengajaran Sejarah Tingkatan Satu.

Guru Sejarah tidak berminat menggunakan komputer mungkin tiada pengetahuan dan kemahiran, faktor masa atau tiada kemudahan komputer di sekolah.

5. 1. 8 Komputer sebagai alat bantuan mengajar

Didapati 4 orang guru Sejarah masing-masing dari Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda dan Sekolah Kebangsaan San Peng menyatakan komputer sesuai sebagai alat bantuan mengajar. Manakala kesemua guru Sejarah dari Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria menyatakan komputer sesuai sebagai alat bantuan mengajar.

5. 2 Cadangan

Hasil kajian ini menunjukkan 75 % sampel pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda, 60 % dari Sekolah Menengah Kebangsaan San Peng dan 65 % dari Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria berminat menggunakan komputer dalam proses pembelajaran Sejarah Tingkatan Satu. Manakala kesemua guru Sejarah dari Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda, 4 dari Sekolah Menengah Kebangsaan San Peng dan Sekolah Kebangsaan Victoria masing-masing berminat menggunakan komputer dalam proses pengajaran Sejarah. Dalam Bab ini juga akan dibincangkan beberapa cadangan yang difikirkan sesuai untuk meningkatkan penggunaan komputer di kalangan pelajar dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah Tingkatan Satu.

Usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju hanya akan tercapai sekiranya setiap golongan masyarakat kaya dengan maklumat dan bersedia menghadapi cabaran yang bakal dihadapi. Untuk tindakan jangka panjang, golongan pelajar menjadi sasaran penting kerana mereka adalah golongan terbesar dan penggerak sebenar kemajuan negara di masa hadapan. Dengan itu kerajaan harus memberi kemudahan dan penumpuan untuk mewujudkan masyarakat bermaklumat dan berpengetahuan ke arah mencapai matlamat tersebut. Penglibatan atau peranan semua pihak adalah diutamakan bagi memastikan kejayaan perancangan ini.

5. 2. 1 Peranan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Pendidikan Guru hendaklah mendedahkan bakal guru di semua Maktab Perguruan dengan literasi komputer

dan pelbagai kursus dari masa ke semasa kerana guru-guru inilah bakal menjadi harapan dan bertindak sebagai agen pengubah yang penting. Generasi muda pada hari ini membesar dan berkembang dalam era komputer. Mereka perlu celik komputer sekiranya ingin menjadi warganegara yang produktif. Guru perlu celik komputer untuk membimbing mereka ke era masa hadapan. Program latihan guru juga harus memberi tumpuan kepada pendidikan komputer kerana guru yang celik komputer yang akan dapat membimbing para pelajar menghayati teknologi dan sains komputer. Tanpa latihan yang khusus, adalah sukar bagi guru untuk menggunakan komputer sebagai alat bantuan yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan penuh yakin.

Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memberi imbuhan yang sewajarnya kepada guru-guru yang berjaya merealisasikan matlamat pendidikan dengan baik untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan. Unit Komputer dalam Kementerian Pendidikan Malaysia juga hendaklah menjalankan usaha-usaha untuk menambahkan bilangan perisian kursus pendidikan yang merangkumi pelbagai pendekatan. Buat masa ini, pembangunan perisian kursus lebih ditumpukan kapada mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik.

5. 2. 2 Peranan Pihak Sekolah

Peringkat sekolah merupakan peringkat perlaksanaan sebenar program penggunaan komputer. Pihak sekolah hendaklah menyediakan komputer bukan sahaja di makmal komputer tetapi juga di setiap bilik darjah, perpustakaan, makmal Sains, bilik guru, bilik pengetua, bilik penolong kanan dan juga di pejabat sekolah. Keadaan ini

memungkinkan guru-guru menggunakan komputer dalam proses pengajaran tanpa perlu menunggu giliran menggunakan makmal komputer.

Guru-guru boleh menggunakan komputer yang terdapat didalam bilik darjah dengan memilih teknik pengajaran yang sesuai untuk perbincangan di dalam kelas. Komputer yang disediakan di bilik guru boleh digunakan oleh guru samada sebagai persedian mengajar atau merekodkan data ke dalam rekod pusat sekolah.

Komputer yang disediakan di perpustakaan boleh digunakan untuk memasukkan atau mendapatkan data dan maklumat yang diperolehi daripada kajian dan bacaan buku-buku rujukan samada oleh guru atau pelajar. Kemudahan mencetak juga perlu disediakan.

5. 2. 3 Peranan Guru

Golongan pendidik di negara ini sewajarnya memikirkan usaha menjadikan sistem pengajaran dan pembelajaran berjaya menarik perhatian pelajar. Pendidik sebagai golongan yang berfikiran inovatif dan kreatif, adalah wajar bagi mereka menjadikan sistem pendidikan di negara ini tidak menjemukan. Pendekatan baru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran haruslah diperkenalkan supaya dapat meningkatkan mutu pendidikan negara.

Para guru tidak seharusnya terikat dengan stail lama yang tidak lagi sesuai dengan keadaan pada masa sekarang. Ini adalah kerana negara sedang menuju ke era Teknologi Maklumat yang berdasarkan komputer dan komunikasi.

Guru-guru mestilah sedar tentang nilai komputer sebagai alat bantu mengajar dalam pendidikan. Guru-guru juga mesti faham tentang keupayaan komputer, berusaha belajar serta mendalami tentang komputer dan sentiasa mengikuti perkembangan semasa tentang teknologi komputer. Langkah-langkah yang boleh diambil oleh guru adalah seperti:

- a) biasakan diri dengan ciri-ciri yang terdapat pada komputer secara umum.
- b) tingkatkan pengetahuan mengenai keupayaan sesuatu komputer, jika ianya digunakan di sekolah.
- c) mencari jalan untuk menggunakan sepenuhnya keberkesanan penggunaan komputer di dalam bilik darjah.
- d) sentiasa mengikuti perkembangan bidang pendidikan, psikologi dan kesan sosial serta bersedia untuk bertindak jika perlu.
- e) peka terhadap teknologi terkini terutama dalam bidang komunikasi dan bersedia untuk menggunakanya sebagai alat yang diperlukan sekiranya harga berpatutan.

Keberkesanan penggunaan komputer di sekolah adalah bergantung sepenuhnya kepada pemahaman guru terhadap apa yang boleh dilakukan oleh komputer. Pemahaman guru-guru mengenai komputer dapat dipupuk menerusi pembacaan dan juga menghadiri kursus.

5. 2. 4 Peranan Ibubapa

Ibubapa juga mempunyai peranan yang penting dalam menggalakkan penggunaan komputer di kalangan pelajar. Ibubapa yang berkemampuan perlulah menyediakan komputer di rumah bagi kegunaan anak-anak mereka. Dalam masa yang mereka perlu pastikan komputer tidak disalahgunakan.

5. 2. 5 Peranan Pelajar

Pelajar juga mempunyai peranan dalam meningkatkan penggunaan komputer dalam proses pembelajaran. Misalnya, pelajar hendaklah sedar betapa mereka kini berada di dalam revolusi komputer dan bagaimana ianya begitu mempengaruhi kehidupan sehari-hari mereka.

Pelajar-pelajar hendaklah mendapatkan pendidikan komputer yang akan membolehkan mereka menerokai bidang ini dengan lebih luas lagi di masa akan datang. Pelajar juga hendaklah membina kekuatan diri untuk menggunakan komputer.

Jika dibandingkan pelajar-pelajar Malaysia dulu dan kini, pelajar-pelajar pada hari ini lebih beruntung kerana pendedahan terhadap komputer adalah lebih awal. Kebanyakan sekolah kini telah memperkenalkan komputer samada ianya sebagai satu mata pelajaran atau melalui Kelab Komputer.

Pelajar-pelajar ini akan lebih beruntung apabila ibu bapa mereka sendiri mempunyai kesedaran terhadap pentingnya komputer. Ibu bapa ini akan menyediakan komputer di rumah dan mereka juga berpeluang menggunakannya sebagai salah satu alat pengajaran dan pembelajaran kepada anak-anak.

5. 3 Kajian Lanjutan

Walaubagaimanapun hasil kajian ini masih lagi ada kelemahan teknikal serta kekurangan yang tidak dapat dielakkan seperti peruntukan masa yang

terbatas serta sasaran kumpulan yang tidak menyeluruh. Tindakan kajian susulan yang menyeluruh perlu dibuat dari masa ke semasa ke atas penggunaan komputer di kalangan pelajar dan guru Tingkatan Satu dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Kajian pada masa akan datang hendaklah dijalankan ke atas jumlah sampel yang lebih besar dan di kalangan pelajar yang lemah untuk mendapat pandangan mereka tentang komputer.

Semua pihak perlu sedar tentang keberkesanannya penggunaan komputer dalam pelbagai bidang. Guru perlu melengkapkan diri dengan teknologi terkini supaya mereka boleh menjadi rujukan atau pembimbing para pelajar. Perancangan jangka panjang adalah perlu supaya generasi muda akan datang tidak ketinggalan dalam bidang teknologi maklumat. Penggunaan komputer secara berkesan akan mendorong kesan secara langsung atau tidak langsung ke atas diri pelajar, keluarga, masyarakat dan negara.